



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

Bilangan 03 Tahun 2023

**TAWARAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT  
STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN  
PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA  
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA TAHUN 2023**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

**LATAR BELAKANG**

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- iii. Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- iv. Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- v. Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- vi. Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan
- vii. Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

3. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam Lampiran 1 dan Lampiran 2.

4. Berdasarkan kepada keputusan Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil. 70 Tahun 2022 bertarikh 06 Oktober 2022 berkaitan pelantikan jawatan calon berjaya kenaikan pangkat bagi skim fleksi/ dominan adalah tertakluk kepada persetujuan calon untuk menerima opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan dominan. Sekiranya calon tidak menerima tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan dominan mengikut skim yang berkuat kuasa, calon akan kekal berada pada skim perkhidmatan dan gred sedia ada.

## PELAKSANAAN

5. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:

- i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
- ii. Permohonan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah mengemukakan satu salinan Folio Peribadi yang lengkap (boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat) kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya sebelum tarikh tutup permohonan.
- iii. Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
- iv. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- v. Hanya pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.


- vi. Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  
- vii. Tarikh tutup permohonan adalah pada 17 Februari 2023.  
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)

#### TARIKH DIKELUARKAN

- 6. Pekeliling dikeluarkan pada 3 Februari 2023.

#### TARIKH KUATKUASA

- 7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 3 Februari 2023.



**HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN**  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan  
Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil. 03/2023)

**Kumpulan Pengurusan dan Profesional :**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Penempatan</b>	<b>Jumlah Kekosongan</b>	<b>Kategori Staf Yang Layak Memohon</b>	<b>Rujukan (Muka Surat)</b>
1.	Ketua Timbalan Bendahari	W54	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	5
2.	Timbalan Pegawai Pertanian (Bidang Pengurusan Ladang) / Timbalan Pengurus Ladang	G48	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	5
3.	Timbalan Pendaftar (Bidang Pengurusan Asrama)	N48	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	6

### Kumpulan Pengurusan dan Profesional

1. i. Jawatan : Ketua Timbalan Bendahari
- ii. Gred Jawatan : W54
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Timbalan Bendahari Kanan Gred W52 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Timbalan Bendahari Gred W54 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
  - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji W54

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM6,122.00	RM13,180.00	RM320.00

2. i. Jawatan : Timbalan Pegawai Pertanian (Bidang Pengurusan Ladang) / Timbalan Pengurus Ladang
- ii. Gred Jawatan : G48
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Pegawai Pertanian Kanan (Bidang Pengurusan Ladang)/ Pengurus Ladang Kanan Gred G44 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Timbalan Pegawai Pertanian (Bidang Pengurusan Ladang) Gred G48/ Timbalan Pengurus Ladang Gred G48 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
  - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji G48

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM5,123	RM11,639.00	RM270.00

3. i. Jawatan : Timbalan Pendaftar (Bidang Pengurusan Asrama)  
ii. Gred Jawatan : N48  
iii. Kekosongan : 1  
iv. Syarat Kelayakan :

Penolong Pendaftar Kanan (Bidang Pengurusan Asrama) Gred N44 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Timbalan Timbalan Pendaftar (Bidang Pengurusan Asrama) Gred N48 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;  
b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan  
c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N48

<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>	<b>Kadar KGT</b>
RM5,118.00	RM11,634.00	RM270.00

## Kumpulan Pelaksana I :

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Memohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Setiausaha Pejabat Tertinggi	N36	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	9
2.	Pegawai Eksekutif Kanan	N32	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	9
3.	Pegawai Eksekutif Kanan (Bidang: Pengurusan Asrama) / Penolong Pengurus Asrama Kanan	N32	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	10
4.	Pegawai Eksekutif Kanan (Bidang : Hal Ehwal Islam)	N32	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	10
5.	Ketua Juruteknik Komputer	FT28	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	1	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	11
6.	Kerani Kanan	N22	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	3	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	11

**Kumpulan Pelaksana II :**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Penempatan</b>	<b>Jumlah Kekosongan</b>	<b>Kategori Staf Yang Layak Memohon</b>	<b>Rujukan (Muka Surat)</b>
1.	Pemandu Tertinggi	H16	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	1	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	12
2.	Pemandu Kanan	H14	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	1	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	12



**Kumpulan Pelaksana I**

- 1. i. Jawatan : Setiausaha Pejabat Tertinggi
- ii. Gred Jawatan : N36
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Setiausaha Pejabat Kanan Gred N32 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Setiausaha Pejabat Tertinggi Gred N36 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
  - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N36

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM3,527.00	RM7,506.00	RM180.00

- 2. i. Jawatan : Pegawai Eksekutif Kanan
- ii. Gred Jawatan : N32
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Pegawai Eksekutif Gred N29 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Eksekutif Kanan Gred N32 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
  - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N32

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,844.00	RM6,256.00	RM155.00

3. i. Jawatan : Pegawai Eksekutif Kanan (Bidang : Pengurusan Asrama) / Penolong Pengurus Asrama Kanan)
- ii. Gred Jawatan : N32
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Pegawai Eksekutif (Bidang : Pengurusan Asrama)/ Penolong Pengurus Asrama Gred N29 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Eksekutif Kanan (Bidang : Pengurusan Asrama)/ Penolong Pengurus Asrama Kanan Gred N32 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N32

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,844.00	RM6,256.00	RM155.00

4. i. Jawatan : Pegawai Eksekutif Kanan (Bidang : Hal Ehwal Islam)
- ii. Gred Jawatan : N32
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Pegawai Eksekutif (Bidang : Hal Ehwal Islam) Gred N29 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Eksekutif Kanan (Bidang : Hal Ehwal Islam) Gred N32 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N32

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,844.00	RM6,256.00	RM155.00

5. i. Jawatan : Ketua Juruteknik Komputer
- ii. Gred Jawatan : FT28
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Juruteknik Komputer Tertinggi Gred FT26 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Juruteknik Komputer Gred FT28 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji FT28

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,728.00	RM5,565.00	RM130.00

6. i. Jawatan : Kerani Kanan
- ii. Gred Jawatan : N22
- iii. Kekosongan : 3
- iv. Syarat Kelayakan :

Kerani Gred N19 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Kerani Kanan Gred N22 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N22

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,252.00	RM4,693.00	RM115.00

## Kumpulan Pelaksana II

1. i. Jawatan : Pemandu Tertinggi
- ii. Gred Jawatan : H16
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Pemandu Kanan Gred H14 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Tertinggi Gred H16 yang kosong apabila telah:

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
  - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji H16

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM1,734.00	RM3,616.00	RM95.00

2. i. Jawatan : Pemandu Kanan
- ii. Gred Jawatan : H14
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Pemandu Gred H11 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Kanan Gred H14 yang kosong apabila telah:

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
  - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji H14

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM1,644.00	RM3,401.00	RM90.00